

04/07/2001

Pesara kerajaan diseru teruskan perjuangan

KUALA LUMPUR, Selasa - Pesara kerajaan perlu meneruskan perjuangan nasional, termasuk menjadi saluran penyampai suara rakyat luar bandar, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim.

Rais berkata, pesara kerajaan wajar memainkan peranan ini kerana masa depan kerajaan bergantung kepada nadi dan perjuangan dari kampung yang kini sering tidak dihiraukan perkhidmatan awam.

"Kini pegawai daerah dah tak masuk kampung, penghulu pun dah berpindah ke bandar. Usul dari kampung tak ditengok oleh pegawai daerah, tak dipandang pun, sedangkan usul dari kampung itu penting.

"Justeru, kita bawa usul dari kampung kepada kerajaan...lihatlah apa orang kampung kata," katanya berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia ke-14 di sini, malam ini.

Hadir sama ialah Presiden Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia, Senator Tan Sri Abdullah Ayub, dan timbalannya, Tan Sri Abdullah Mohd Salleh.

Esok, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menghadiri jamuan makan malam sempena persidangan perwakilan itu.

Rais berkata, pesara kerajaan dengan pengalaman yang luas juga boleh menyuntik semula nilai ke dalam perkhidmatan awam yang mula tergugat akibat anasir tertentu.

Katanya, ada segelintir rakyat kini yang tidak lagi menghormati pegawai kerajaan dan mempersoalkan dasar kerajaan yang dilaksanakan perkhidmatan awam.

"Apa akan jadi kepada negara sekiranya nilai perkhidmatan tidak ada lagi," katanya.

Rais turut menggesa pesara kerajaan supaya mengetepikan sebarang perasaan negatif mereka sebaik sahaja bersara sebaliknya menggunakan tenaga mereka yang masih ada untuk terus memberi khidmat kepada masyarakat.

"Mereka (pesara) yang boleh sampaikan penerangan dengan baik, kita kelaskan mereka, yang boleh jadi memimpin masyarakat, kita kelaskan juga dan yang mempunyai bakat dalam bidang lain, cungkil bakat mereka supaya lebih berobjektif," katanya.

(END)